MOHD AZIZEE HASAN lwn. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KOTA BHARU
MOHAMAD ABAZAFREE MOHD ABBAS PK
[SAMAN PEMULA NO: DA-24NCvC-66-02-2020]
7 JULAI 2022

Abstrak – *Rentetan sejarah kewujudan per. 152 Perlembagaan Persekutuan menunjukkan bahawa Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, yang masing-masing menggunakan Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar, tidak pernah dilarang pewujudannya walaupun Bahasa Melayu dijulang sebagai Bahasa Kebangsaan; bahkan penggunaan lain-lain bahasa ibunda membentuk sebahagian polisi pendidikan kebangsaan.*

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: *Undang-undang – Ultra vires – Permohonan perintah deklarasi bahawa undang-undang adalah ultra vires – Penggunaan Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar, masing-masing, di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ('SRJKC') dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil ('SRJKT') – Sama ada SRJKC dan SRJKT 'pihak berkuasa awam' – Sama ada ss. 17 & 28 Akta Pendidikan 1996 ultra vires – Sama ada bercanggah dengan per. 152 Perlembagaan Persekutuan*

Plaintif memohon satu perintah deklarasi bahawa ss. 17 dan 28 Akta Pendidikan 1996 ('Akta'), yang membenarkan penggunaan Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar, masing-masing, di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ('SRJKC') dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil ('SRJKT'), adalah *ultra vires* kerana bercanggah dengan per. 152 Perlembagaan Persekutuan ('PP'). Isu utama yang timbul adalah sama ada SRJKC dan SRJKT, yang ditubuhkan bawah Akta, adalah pihak berkuasa awam dan, ekoran itu, s. 17 Akta yang membenarkan bahasa pengantar dalam bahasa selain Bahasa Melayu adalah bertentangan dengan per. 152(1) PP. Plaintif, dalam hujahannya, bersandar pada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Merdeka University Berhad v. Government of Malaysia ('*kes *Merdeka University*') untuk menegaskan bahawa SRJKC dan SRJKT adalah pihak berkuasa awam. Defendan ketiga hingga kelapan berpendirian bahawa SRJKC dan SRJKT bukan pihak berkuasa awam kerana kedua-duanya tidak menjalankan fungsi awam. Sebaliknya, defendan pertama dan kedua, walaupun bersetuju bahawa SRJKC dan SRJKT adalah pihak berkuasa awam, menekankan bahawa (i) per. 152(1) PP perlu dibaca seimbang dengan sejarah perundangannya. Tujuan utama per. 152 PP adalah untuk meletakkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan sekaligus

mengekalkan penggunaan bahasa-bahasa ibunda lain sebagai bahasa pengantar yang lain dalam sistem pendidikan negara; dan (ii) tindakan plaintif bukan sekadar mencabar keperlembagaan Akta bahkan mencabar keabsahan kewujudan SRJKC dan SRJKT. Ini bukan sahaja bertentangan dengan hasrat penggubal PP malah meruntuhkan tiang seri keseimbangan PP yang sudah lama terpasak di Malaysia.

Diputuskan (menolak permohonan):

(1) Mempertimbangkan skim Akta dan bagaimana Akta dikuatkuasakan, penubuhan SRJKC dan SRJKT adalah satu tanggungjawab statutori Menteri Pendidikan yang termasuk dalam 'a statutory authority exercising powers vested in it by Federal or State Law'. SRJKC dan SRJKT yang tertubuh, dipertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar dan polisi-polisi pendidikan serta perlu melaksanakan kurikulum yang ditetapkan. Oleh itu, dalam erti kata PP, SRJKC dan SRJKT adalah pihak berkuasa awam yang menjalankan tugas-tugas awam yang diwujudkan bawah undang-undang. (perenggan 24 & 29)

(2) Keputusan dalam kes *Merdeka University* boleh dibezakan dengan kes semasa dalam beberapa keadaan berikut: (i) isu utama yang dipertikaikan dalam kes *Merdeka University* adalah berkaitan budi bicara Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Sebaliknya, dalam kes semasa, cabaran melibatkan seksyen-seksyen tertentu dalam Akta berkaitan SRJKC dan SRJKT. Pendekatan dalam menentukan kedua-dua permohonan jauh berbeza; dan (ii) kes *Merdeka University* melibatkan permohonan penubuhan sebuah universiti baharu sedangkan dalam kes semasa, yang terlibat adalah SRJKC dan SRJKT yang sedia ada. Sejarah membuktikan bahawa SRJKC dan SRJKT adalah sebahagian daripada sistem pendidikan negara yang diterima. Ini sama sekali lain dengan yang dipertimbangkan dalam kes *Merdeka University*. (perenggan 35 & 36)

(3) Sebagai sebuah perundangan ibu yang menjadi dasar dan asas keseluruhan undang-undang dalam negara ini, PP perlu difahami serta ditafsir berlatarbelakangkan sejarah negara serta niat sebenar penggubalnya. Polisi Pendidikan Kebangsaan pada 1957 mengiktiraf SRJKC dan SRJKT sebagai sebahagian sistem negara. Dalam proses mendraf PP, wakil Kerajaan berniat mengekalkan dan meneruskan dengan bahasa-bahasa ibunda lain dalam sistem pendidikan negara. Dalam proses pendrafan tersebut, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dipertimbangkan sebagai bahasa rasmi. Penggunaan Bahasa Melayu ini dipertahankan tanpa menjejaskan penggunaan bahasa-bahasa ibunda lain dalam sistem pendidikan yang dinyatakan dengan jelas dalam per. 152(1) PP. Penggunaan bahasa rasmi dikhususkan untuk bahasa yang akan digunakan oleh mahkamah dan urusan rasmi Kerajaan tetapi tidak

memberi kesan pada penggunaan bahasa dalam sistem pendidikan negara. Kemasukan fasal 6 dalam per. 152 melalui Akta (Pindaan) Perlembagaan 1971 juga tiada kaitan dan langsung tidak berniat menghapuskan pendidikan berteraskan bahasa-bahasa ibunda lain apatah lagi menghapuskan SRJKC dan SRJKT. (perenggan 41, 44 & 46)

Obiter:

(1) Tuntutan plaintif mempunyai kesan besar iaitu hingga ke tahap yang boleh menghapuskan penggunaan bahasa-bahasa ibunda lain dalam sistem pendidikan negara. Ini sama sekali bertentangan dengan niat dan hasrat nenek moyang kita yang mengimpikan sebuah negara yang harmoni dan bersatu dalam kepelbagaian. Walaupun kita dibezakan dalam aspek bangsa dan bahasa ibunda, penggunaan dan penguasaan Bahasa Melayu masih diamalkan dengan baik oleh generasi kini dan oleh setiap lapisan bangsa. Hujahan lisan pihak-pihak di mahkamah dalam kes ini, dalam Bahasa Melayu, adalah manifestasi bahawa sistem yang berkuat kuasa sekarang tiada cacat cela. (perenggan 51, 52 & 53)

Kes-kes yang dirujuk:

Alma Nudo Atenza v. PP & Another Appeal [2019] 5 CLJ 780 FC ***(dirujuk)***
Che Omar Che Soh v. PP & Another Appeal [1988] 1 LNS 150 SC ***(dirujuk)***
CTEB & Anor v. Ketua Pengarah Pendaftaran Negara, Malaysia & Ors [2021] 6 CLJ 471 FC ***(dirujuk)***
Griffiths v. Smith [1941] AC 170 ***(dirujuk)***
Indira Gandhi Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors And Other Appeals [2018] 3 CLJ 145 FC ***(dirujuk)***
Maria Chin Abdullah v. Ketua Pengarah Imigresen & Anor [2021] 2 CLJ 579 FC
Mark Koding v. PP [1982] 1 LNS 15 FC ***(dirujuk)***
Matadeen v. Pointu [1998] UKPC 9 ***(dirujuk)***
Merdeka University Bhd v. Government Of Malaysia [1982] 1 LNS 1 FC ***(dibezakan)***
Mohd Alif Anas Md Noor & Ors v. Menteri Pendidikan Malaysia & Ors [2022] 1 LNS 1162 HC ***(dirujuk)***
Mohd Khairul Azam Abdul Aziz v. Menteri Pendidikan Malaysia & Anor [2020] 9 CLJ 309 FC ***(dirujuk)***
Zaidi Kanapiah v. ASP Khairul Fairoz Rodzuan & Ors And Other Appeals [2021] 5 CLJ 581 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Education Act 1996, ss. 2, 17, 18, 27, 28
Federal Constitution, arts. 5, 8, 10, 11, 12, 141A, 152(1), (6), 160
Universities And University Colleges Act 1971, s. 6

Bagi pihak pemohon - Shaharudin Ali & Muhammad Noor Azfar Noor Azmi; T/n ShaharudinAli AzfarAzmi & Co
Bagi pihak defendan 1 & 3 - Liew Horng Bin; Peguam Persekutuan
Bagi pihak defendan 2 - Ben Chan Chong Choon & Syazwani Mahmud; T/n Ben Chan
Bagi pihak defendan 4 & 5 - KF Wong & HS Lim; T/n K F Wong & Lee
Bagi pihak defendan 6, 7 & 8 - Gunaseelan S Thambinathan; T/n Gunaseelan & Assoc

Dilaporkan oleh Najib Tamby

A

PENGHAKIMAN

Mohamad Abazafree Mohd Abbas PK:

Pendahuluan

[1] Ini adalah merupakan satu permohonan oleh plaintif yang secara amnya bagi mendapatkan satu perintah deklarasi bahawa ss. 17 dan 28 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang membenarkan Bahasa Mandarin digunakan sebagai bahasa utama penghantar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) dan Bahasa Tamil digunakan sebagai bahasa utama penghantar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT) adalah *ultra vires* kerana ianya bercanggah dengan per. 152 Perlembagaan Persekutuan (PP).

[2] Kertas-kertas klausa di dalam kes ini adalah seperti berikut:

(i) saman pemula di kandungan 1;

(ii) afidavit sokongan oleh Mohd Azizee bin Hasan di kandungan 2;

(iii) afidavit sokongan oleh Sufean bin Hussin di kandungan 46;

(iv) afidavit balasan defendan 3 oleh Datuk Chong Sin Woon di kandungan 84;

(v) afidavit jawapan defendan 6, 7 dan 8 oleh Heng Hong Chai di kandungan 89;

(vi) afidavit jawapan defendan 1 dan 2 oleh Datin Sri Hajah Zamani Abdool Hamid di kandungan 104;

(vii) afidavit jawapan defendan 4 dan 5 oleh Tan Tai Kim di kandungan 107; dan

(viii) afidavit balasan oleh Mohd Azizee bin Hasan di kandungan 109.

Isu Untuk Dipertimbangkan

[3] Teras isu yang perlu dipertimbangkan adalah bersandarkan kepada kl. 1 per. 152 PP yang menyatakan:

> (1) The national language shall be the Malay language and shall be in such script as Parliament may by law provide:
>
> Provided that:
>
> (a) no person shall be prohibited or prevented from using (otherwise than for official purposes), or from teaching or learning, any other language; and (b) nothing in this Clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any other community in the Federation.
>
> (b) nothing in this Clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any other community in the Federation

[4] Perkara 152 ini perlu dipertimbangkan di dalam konteks peruntukan di bawah ss. 17 dan 28 Akta 550 yang berkaitan seperti berikut: A

(17) Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama

(1) Bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini. B

(2) Jika bahasa pengantar utama di sesuatu institusi pendidikan adalah selain bahasa kebangsaan, bahasa kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan itu. C

(28) Penubuhan dan penyenggaraan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan

Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Menteri boleh menubuhkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dan hendaklah menyenggarakan sekolah itu. D

[5] Asas isu yang perlu dipertimbangkan adalah sama ada SRJKC dan SRJKT yang ditubuhkan di bawah Akta 550 adalah merupakan satu pihak berkuasa awam dan oleh itu s. 17 tersebut yang membenarkan bahasa pengantar utama di dalam bahasa ibunda selain Bahasa Melayu adalah bertentangan dengan per. 152(1) PP. E

Pendirian Pihak-Pihak

[6] Peguam bela plaintif di dalam hujahan mereka bersandar kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Merdeka University Berhad v. Government Of Malaysia* [1982] 1 LNS 1; [1982] 2 MLJ 243 (kes *Merdeka University*) dengan menegaskan bahawa SRJKC dan SRJKT adalah merupakan satu pihak berkuasa awam. Oleh yang demikian, bahasa penghantar hendaklah mematuhi per. 152(1) PP. Sebarang peruntukan di bawah undang-undang iaitu secara khususnya di bawah Akta 550 yang bertentangan dengannya adalah *ultra vires*. F G

[7] Peguam Kanan Persekutuan (PKP) yang mewakili defendan 1 dan 2 berpandangan bahawa walaupun SRJKC dan SRJKT adalah merupakan satu institusi yang tercakup sebagai pihak berkuasa awam, namun per. 152(1) PP perlu dibaca secara seimbang dengan sejarah perundangannya. H

[8] PKP menegaskan bahawa tujuan utama per. 152 PP adalah untuk meletakkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dengan sekaligus mengekalkan penggunaan bahasa ibunda yang lain sebagai bahasa penghantar yang lain di dalam Sistem Pendidikan Negara. Bagi defendan 1 dan 2, tindakan plaintif bukan sekadar mencabar keperlembagaan Akta 550, namun ia sebenarnya mencabar keabsahan kewujudan SRJKC dan SRJKT. Ini I

dikatakan sebagai bukan sahaja bertentangan dengan hasrat penggubal PP namun ia meruntuhkan tiang seri keseimbangan PP yang telah lama berpasak di bumi Malaysia.

[9] Bagi defendan-defendan yang lain (yang terdiri daripada defendan 3, 4, 5, 6, 7 dan 8), kesemuanya berpegang kepada pendirian bahawa SRJKC dan SRJKT adalah bukan merupakan pihak berkuasa awam kerana keduanya tidak menjalankan fungsi awam. Sehubungan dengan itu, ia tidak tertakluk kepada per. 152 PP.

[10] Di dalam masa yang sama, turut dihujahkan bahawa Parlimen berhak menggubal Akta 550 termasuk s. 17 kerana ia merupakan bidang kuasa Parlimen. Ini sepertimana yang ditegaskan oleh Hakim Azhar Mohamad HB (Malaya) di dalam kes *Mohd Khairul Azam Abdul Aziz v. Menteri Pendidikan Malaysia & Anor* [2020] 9 CLJ 309; [2020] 1 MLJ 398 yang memutuskan:

> [31] To take the discussion further, the determination on Parliament's legislative competency has been clearly stipulated in art. 74(1) of the Federal Constitution where it provides that Parliament may make laws with respect to any of the matters enumerated in the Federal List or the Concurrent List, that is to say, the first or third list sets out in the Ninth Schedule. As seen earlier, s. 28 of the Education Act 1996 allows the Minister to establish national schools and national-type schools. Section 17 of the same Act allows such schools to be exempted from using the national language as the main medium of instruction. However, the national language shall be taught as a compulsory subject. In my judgment, these are areas in which Parliament may make laws with respect to matter on "education". Matter on education is clearly spelt out under item 13 of the First List in the Ninth Schedule.

Keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Di Dalam Kes Guaman Sivil No: WA-21NCVC-84-12-2019 *Mohd Alif Anas Md Noor & Ors v. Menteri Pendidikan Malaysia & Ors* [2022] 1 LNS 1162 (kes *Mohd Aliff Anas*)

[11] Mahkamah turut berkesempatan untuk menimbang keputusan Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali HMT (pada ketika itu) di dalam kes dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur Guaman Sivil No: WA-21NCVC-84-12-2019 *Mohd Alif Anas Md Noor & Ors v. Menteri Pendidikan Malaysia & Ors* [2022] 1 LNS 1162 yang melibatkan isu yang sama. Antara perkara utama yang diputuskan adalah seperti berikut:

(i) penggunaan bahasa ibunda lain selain Bahasa Melayu di dalam sistem pendidikan secara khususnya di sekolah vernakular adalah tidak dilarang di bawah PP;

(ii) berdasarkan kepada skim perundangan Akta 550, ianya berbeza dengan kes *Merdeka University* atau dengan mana-mana unversiti yang diwujudkan di bawah Akta Universiti dan Kolej 1971. Sekolah vernakular tidak mempunyai ciri elemen awam untuk menjadikan ianya satu pihak berkuasa awam;

(iii) sehubungan dengan itu, ss. 2, 17 dan 28 Akta 550 adalah tidak bercanggah dengan per. 152(1) PP;

(iv) selanjutnya cabaran plaintif adalah bukan sahaja ke atas pelaksanaan per. 152 PP namun untuk memansuhkan sekolah vernakular serta hak mengekalkan bahasa lain selain Bahasa Melayu untuk digunakan sebagai bahasa pengantaraan. Adalah tidak adil untuk memutuskan bahawa pelajar yang telah melengkapkan pembelajaran melalui sistem yang diamalkan di sekolah vernakular telah melaluinya secara yang tidak berpelembagaan; dan

(v) sehubungan dengan itu, penubuhan dan kewujudan SRJKC dan SRJKT adalah tidak bercanggah dengan per. 5, 8, 10, 11 dan 12 PP.

Analisis Dan Dapatan Mahkamah

Sama Ada SRJKC Dan SRJKT Adalah Merupakan Pihak Berkuasa Awam

[12] Perkara pertama yang menjadi pertimbangan mahkamah kini adalah berkaitan persoalan berkaitan kedudukan SRJKC dan SRJKT sama ada keduanya merupakan satu pihak berkuasa awam. Ini penting kerana per. 152 PP dengan secara khusus mewajibkan penggunaan Bahasa Melayu oleh pihak berkuasa awam di dalam menjalankan tujuan pihak berkuasa awam tersebut.

[13] Ini adalah selaras dengan kl. 6 per. 152 PP yang memperuntukkan:

> (6) In this Article, "official purpose" means any purpose of the Government, whether Federal or State, and includes any purpose of a public authority.

[14] Manakala tafsiran "pihak berkuasa awam" telah dinyatakan di bawah per. 160 PP seperti berikut:

> "Public authority" means the Yang di-Pertuan Agong, the Ruler or Yang di-Pertua Negeri of a State, the Federal Government, the Government of a State, a local authority, a statutory authority exercising powers vested in it by federal or State law, any court or tribunal other than the Federal Court, the Court of Appeal and High Courts, or any officer or authority appointed by or acting on behalf of any of those persons, courts, tribunals or authorities;

[15] Di dalam menjawab persoalan ini, mahkamah perlu menjawab soalan utama iaitu bagaimanakah SRJKC dan SRJKT ini ditubuhkan. Mahkamah memulai dengan merujuk kepada skim Akta 550 yang merupakan satu Akta yang dinyatakan di dalam mukadimahnya (preamble) bertujuan seperti berikut:

> DAN BAHAWASANYA adalah menjadi suatu misi untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan mencapai aspirasi negara Malaysia:

A DAN BAHAWASANYA Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dizahirkan seperti yang berikut:

> Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan
B bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan
C sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara:
>
> DAN BAHAWASANYA dasar yang dinyatakan di atas akan dilaksanakan melalui suatu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama,
D Kurikulum Kebangsaan dan peperiksaan yang sama; pendidikan yang diberikan adalah pelbagai dan komprehensif skopnya dan yang akan memenuhi keperluan negara, serta memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip Rukunegara:
>
> E DAN BAHAWASANYA adalah dianggap sesuatu yang perlu, selagi ia selaras dengan dasar itu, dengan menyediakan pengajaran yang cekap dan selagi ia tidak melibatkan perbelanjaan awam yang tidak munasabah, untuk mengambil kira akan prinsip am bahawa murid harus dididik mengikut hasrat ibu bapa masing-masing

F **[16]** Berdasarkan Akta 550 secara amnya setiap sekolah SRJKC dan SRJKT adalah merupakan "sekolah jenis kebangsaan" yang ditafsirkan sebagai sekolah rendah Kerajaan atau sekolah rendah bantuan Kerajaan:

(i) yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid dari umur enam tahun;

G (ii) yang menggunakan bahasa Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar utama; dan

(iii) yang menjadikan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib.

H **[17]** Keperluan untuk mengadakan pendidikan rendah di Sekolah Rendah Kerajaan dan di Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan adalah merupakan kewajipan Menteri Pendidikan sepertimana yang dinyatakan di bawah s. 27 Akta 550 dan tugas menyelenggara sekolah-sekolah tersebut adalah diperuntukkan di bawah s. 28 Akta 550 yang menyatakan "Menteri boleh menubuhkan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan dan
I hendaklah menyenggarakan sekolah itu"

[18] Sebagai pihak yang menyelenggara SRJKC dan SRJKT, maka ia adalah tertakluk kepada Sistem Pendidikan Negara yang berteraskan kepada Dasar Pendidikan Negara yang menjadi teras kepada Akta 550. Semestinya ia juga menggunakan dana awam di dalam melaksanakan fungsinya.

[19] Sebagai sebuah sekolah, SRJKC dan SRJKT berfungsi untuk memberi pendidikan kepada murid dan ianya tertakluk bukan sahaja kepada polisi dan dasar pendidikan, malahan ia juga tertakluk kepada kokurikulum yang disediakan. Tanggungjawab ini pastinya dilaksanakan melalui guru-guru yang mana perlantikan dan latihan mereka disediakan oleh Kerajaan.

[20] Guru-guru ini berada di dalam Sistem Perkhidmatan Kerajaan dan merupakan penjawat awam. Mereka diselia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang diwujudkan di bawah per. 141A PP.

[21] Dari aspek pentadbiran pendidikan pula, tanggungjawab Menteri adalah melalui Kementerian Pendidikan di peringkat pusat dan dijalankan secara mikronya melalui pengujudan Jabatan Pelajaran di setiap negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) di daerah-daerah. Ini bagi mengkoordinasi perjalanan pentadbiran pendidikan berpandukan kepada dasar yang telah ditetapkan.

[22] Di samping itu, Menteri berdasarkan s. 18 Akta 550 hendaklah menetapkan suatu kurikulum yang dikenali sebagai Kurikulum Kebangsaan yang hendaklah digunakan oleh semua sekolah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum ini hendaklah menentukan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dijangka akan diperoleh oleh murid pada akhir tempoh persekolahan masing-masing dan hendaklah termasuk mata pelajaran teras yang dinyatakan dalam jadual dan apa-apa mata pelajaran lain yang ditetapkan.

[23] Sekolah-sekolah ini juga adalah tertakluk kepada penilaian serta pemeriksaan sepertimana yang termaktub di Bahagian V Akta 550 yang memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan kaedah murid untuk dinilai serta taraf yang perlu dicapai oleh murid serta peraturan-peraturan peperiksaan yang hendak diadakan.

[24] Mempertimbangkan skim Akta 550 dan bagaimana ianya dikuatkuasakan, maka mahkamah berpandangan bahawa penubuhannya adalah merupakan satu tanggungjawab statutori Menteri yang termasuk dalam apa yang dinyatakan sebagai "a statutory authority exercising powers vested in it by Federal or State law". SRJKC dan SRJKT yang tertubuh tersebut, dipertanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar dan polisi-polisi pendidikan serta perlu melaksanakan kurikulum yang ditetapkan. Oleh itu, bagi pandangan mahkamah SRJKC dan SRJKT adalah merupakan satu pihak berkuasa awam dalam erti kata PP.

[25] Mahkamah tidak dapat bersetuju dengan pandangan atau hujahan defendan ketiga hingga ketujuh yang mengatakan bahawa ianya tidak termasuk sebagai pihak berkuasa awam kerana ia akan bertentangan dengan apa yang telah sedia terlaksana sejak negara merdeka secara khususnya berkaitan belanjawan yang telah ditetapkan untuk pembangunan sekolah-sekolah ini.

[26] Teras hujahan defendan ketiga hingga ketujuh adalah bersandarkan kepada tafsiran bahawa PP dan Akta 550 hanya menggariskan tanggungjawab Kerajaan untuk menyediakan sekolah-sekolah ini sebagai tanggungjawab dan bukannya satu yang bersifat statutori. Bagi mahkamah, hujahan ini memberi kesan ke atas tanggungjawab Menteri sedangkan perkataan "hendaklah" di dalam Akta 550 menjadikan ianya tugas yang tidak boleh dielakkan. Oleh itu, bagi mahkamah ia menjadikan tanggungjawab tersebut sebagai satu tugas statutori.

[27] Walaupun sekolah boleh dianggap sebagai satu keperluan dan merupakan tanggungjawab Kerajaan, namun dari konteks PP, ia diwujudkan secara statutori bagi melaksanakan fungsi-fungsi yang selaras dengan dasar dan polisi Pendidikan Kebangsaan.

[28] Di dalam kes *Merdeka University*, Mahkamah Persekutuan telah merujuk kepada kes *Griffiths v. Smith* [1941] AC 170 dan telah memutuskan:

> With respect, we agree with the learned Judge that MU would be a public authority for the reasons given by him. The operative word in the definition in Article 160(2) must necessarily be the word "authority", and for a person or body to constitute such an entity there must be some public element and utility in its constitution, operation, functions, powers and duties. *Viscount Simon L.C. said at page 178 in Griffiths v. Smith [19411 AC 170 with regard to the managers of a non-provided public elementary school that the body of managers are a statutory body created by the relevant statutes for the discharge of public duties and therefore a public authority* and are not analogous to companies acting for profit as in *Attorney-General v. Company of Proprietors of Margate Pier and Harbour* [1900] 1 Ch 749. As the learned Judge pointed out, the plaintiff's petition and memorandum of association make it clear that the plaintiff is a non-profit making corporation and this would equally apply to MU which it is sponsoring.
>
> (penekanan ditambah)

[29] Oleh yang demikian, mahkamah ini merumuskan bahawa SRJKC dan SRJKT yang ditubuhkan di bawah Akta 550 adalah menjalankan tugas-tugas awam sepertimana yang diwujudkan di bawah undang-undang dan oleh itu ia merupakan sebuah pihak berkuasa awam.

Kes *Merdeka University*

[30] Namun ia bukan penutup kepada isu di hadapan mahkamah ini. Persoalannya adakah apabila ia merupakan satu pihak berkuasa awam, maka per. 152 PP secara langsung terpakai. Bagi menilai perkara ini, mahkamah

ini terpanggil terlebih dahulu untuk menilai kes *Merdeka University* sepertimana yang dirujuk oleh peguam plaintif yang menghujahkan bahawa ianya mengikat mahkamah ini.

[31] Fakta di dalam kes *Merdeka University* adalah melibatkan sebuah syarikat berhad menurut jaminan yang telah mengemukakan permohonan kepada YDPA bagi menubuhkan sebuah universiti di bawah s. 6 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971). Permohonan tersebut telah ditolak di atas alasan bahasa penghantar yang digunakan adalah Bahasa Cina dan ini bertentangan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan ketika itu.

[32] Isu di hadapan Mahkamah Persekutuan pada ketika itu adalah "whether the defendant Government has in the circumstances acted constitutionaly, reasonably and fair". Ia secara langsungnya ke atas budi bicara YDPA serta Kerajaan untuk mengambil kira faktor-faktor yang sepatutnya, serta sama ada keputusan tersebut dibuat secara adil.

[33] Keputusan majoriti Mahkamah Persekutuan telah menimbang laporan Suruhanjaya Reid serta kertas putih berkaitan per. 152 PP yang antara lain menyatakan bahawa Kerajaan berhak di sisi undang-undang untuk mempertimbang penggunaan serta pembelajaran bahasa ibunda selain Bahasa Melayu. Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> We think it reasonable to suppose that the framers of our Constitution deliberately chose to use the expression "national language" because they intended that bahasa should be used not only for official purposes but also as an instrument for bringing together the diverse and polyglot races that live here and thus promote national unity. *Before independence there were separate schools with Malays going to Malay-language schools, Chinese to Chinese-language schools and Indians to Indian-language schools, thus keeping the three major communities apart*. The only unifying factors were the comparatively few English-language schools where children of various races were taught a common syllabus in a common tongue and mixed freely and later produced the leaders who were largely instrumental in developing the country economically and politically. *We think it reasonable to suppose that the framers of our Constitution who came from this group of Malayans – later Malaysians – concluded that just as before independence the English language could unify the small but highly influential group of leaders, so after independence the use of bahasa could and should be used as an instrument for unifying the whole nation*.
>
> (penekanan ditambah)

[34] Keputusan Mahkamah Persekutuan ini boleh disimpulkan seperti berikut:

(i) perkara 152 PP melarang penggunaan Bahasa Cina untuk "official purpose" tetapi tidak di dalam kes "unofficial purpose";

(ii) "official purpose" telah ditafsirkan sebagai "any purpose of public authority";

(iii) "public authority" ditafsirkan di bawah per. 152(6) PP meliputi "a statutory authority exercising powers vested in it by federal or state law";

(iv) public authority meliputi bukan sahaja badan Kerajaan atau separa Kerajaan, tetapi sebarang kuasa yang diwujudkan yang mengandungi elemen awam yang diwujudkan di bawah undang-undang;

(v) sebarang universiti walaupun swasta yang diwujudkan di bawah AUKU 1971 "clearly has the requisite public element, as it is subject to some degree of public control in its affairs and it involves a number of public appointments to office in its framework, acts in the public interest and is eligible for grants-in-aid from public funds;

(vi) Merdeka University jika ditubuhkan akan merupakan satu pihak berkuasa awam dan oleh itu mengajar di dalam Bahasa Cina akan menjadikan "use for an official purpose"; dan

(vii) oleh itu, penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa penghantar adalah satu yang dilarang.

[35] Keputusan ini pada pandangan mahkamah boleh dibezakan dengan kes semasa di dalam beberapa keadaan. Pertamanya, isu utama yang dipertikaikan di dalam kes tersebut adalah berkaitan budi bicara YDPA dan Kerajaan di bawah AUKU 1971. Ia melibatkan pertimbangan-pertimbangan Kerajaan di dalam membuat keputusan menolak permohonan tersebut. Namun di dalam kes semasa, ia melibatkan cabaran ke atas seksyen-seksyen tertentu di dalam Akta 550 berkaitan penubuhan SRJKC dan SRJKT. Pendekatan di dalam menentukan kedua-dua permohonan adalah jauh berbeza.

[36] Keduanya, di dalam kes *Merdeka University*, ia melibatkan permohonan penubuhan sebuah universiti yang baru sedangkan di dalam kes ini, ia melibatkan sekolah-sekolah SRJKC dan SRJKT yang sedia ada. Ia melibatkan sejarah yang lama sejak sebelum kemerdekaan dan ia turut melibatkan kemerdekaan negara. Sejarah membuktikan bahawa SRJKC dan SRJKT adalah sebahagian dari Sistem Pendidikan Negara yang diterima. Ini sama sekali berlainan dari apa yang telah dipertimbang dan diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Merdeka University*.

[37] Mahkamah Persekutuan di dalam menyelusuri per. 152 PP, secara khususnya dalam mempertimbangkan makna tepat kepada "Bahasa Kebangsaan", "tujuan awam" dan hak untuk "preserve and sustain the use of other languages", telah menegaskan peri penting mengekal dan meneruskan penggunaan bahasa selain Bahasa Kebangsaan sebagai salah satu tiang seri yang sedia terakar di dalam keseimbangan PP. Namun Mahkamah Persekutuan di dalam pertimbangan ke atas per. 152(6) PP mengkhususkan kepada tafsiran "public authority" yang pada pandangan mahkamah kini bukanlah satu-satunya ujian penentu bagi isu di hadapan mahkamah.

[38] Bagi mahkamah, di dalam menimbang relif yang dipohon oleh plaintif kini, isu yang perlu dipertimbangkan menjangkau kepada status keperlembagaan yang diiktiraf oleh undang-undang ke atas SRJKC dan SRJKT. Pentafsiran sebenar per. 152 PP perlu diperhalusi dari aspek sejarah sepertimana yang dikemukakan kini di mahkamah.

Tafsiran Perkara 152 PP

[39] Adalah menjadi satu prinsip yang diterima bahawa PP perlu ditafsirkan melalui konteks sejarah. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Indira Gandhi Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors And Other Appeals* [2018] 3 CLJ 145; [2018] 1 MLJ 545 telah menegaskan:

> [23] A constitution must be interpreted in light of its historical and philosophical context, as well as its fundamental underlying principles. As articulated by the Supreme Court of Canada in *Reference Re Senate Reform*, 2014 SCC 32 (at paras. [25] to [26]):
>
> > The constitution implements a structure of government and must be understood by reference to 'the constitutional text itself, the historical context, and previous judicial interpretations of constitutional meaning …' The rules of constitutional interpretation require that constitutional documents be interpreted in a broad and purposive manner and placed in their proper linguistic, philosophic, and historical contexts … Generally, constitutional interpretation must be informed by the foundational principles of the Constitution, which include principles such as federalism, democracy, the protection of minorities, as well as constitutionalism and the rule of law …
>
> These rules and principles of interpretation have led this Court to conclude that the Constitution should be viewed as having an 'internal architecture', or 'basic constitutional structure' … The notion of architecture expresses the principles that '[t]he individual elements of the Constitution are linked to the others, and must be interpreted by reference to the structure of the Constitution as a whole' … In other words, the Constitution must be interpreted with a view to discerning the structure of government that it seeks to implement. The assumptions that underlie the text and the manner in our interpretation understanding and application of the text. (citation omitted)

[40] Manakala di dalam kes *Alma Nudo Atenza v. PP & Another Appeal* [2019] 5 CLJ 780; [2019] 4 MLJ 1, Mahkamah Persekutuan telah merujuk kepada keputusan Majlis Privi di dalam kes *Matadeen v. Pointu* [1998] UKPC 9 dan menyatakan:

> [66] It is well-established that "a constitution must be interpreted in light of its historical and philosophical context, as well as its fundamental underlying principles". (See: *Indira Gandhi Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors And Other Appeals* [2018] 3 CLJ 145; [2018] 1 MLJ 545 at para. [29]). It is not to be interpreted in a vacuum without regard to

A the thinking in other countries sharing similar values. (See: *The State v. Khoyratty* [2006] UKPC 13 at para. [29]). The importance of the underlying values of a constitution was noted by the Judicial Committee of the Privy Council in *Matadeen v. Pointu* [1998] UKPC 9 with these words: ... constitutions are not construed like commercial documents. This is because every utterance must be construed in its proper context, taking B into account the historical background and the purpose for which the utterance was made. The context and purpose of a commercial contract is very different from that of a constitution. The background of a constitution is an attempt, at a particular moment in history, to lay down an enduring scheme of government in accordance with certain moral and political values. Interpretation must take these purposes into account.

C

[41] Sebagai sebuah perundangan ibu yang menjadi dasar dan asas kepada keseluruhan undang-undang di dalam negara ini, maka pastinya PP perlu difahami serta ditafsirkan berlatarbelakangkan sejarah negara serta niat sebenar penggubalnya. Pendekatan ini diterima pakai di dalam keputusan D Mahkamah Agung di dalam kes *Che Omar Che Soh v. PP & Another Appeal* [1988] 1 LNS 150; [1988] 2 MLJ 55 seperti berikut:

> The question here is this: Was this the meaning intended by the framers of the Constitution? For this purpose, it is necessary to trace the history of Islam in this country after the British intervention in the affairs of the E Malay States at the close of the last century.

[42] Pendekatan-pendekatan seperti ini telah turut diterima pakai di dalam keputusan-keputusan terbaru oleh Mahkamah Persekutuan seperti di dalam kes *Maria Chin Abdullah v. Ketua Pengarah Imigresen & Anor* [2021] 2 CLJ 579; [2021] 1 MLJ 750; *Zaidi Kanapiah v. ASP Khairul Fairoz Rodzuan & Ors* F *And Other Appeals* [2021] 5 CLJ 581; [2021] 3 MLJ 759; dan *CTEB & Anor v. Ketua Pengarah Pendaftaran Negara, Malaysia & Ors* [2021] 6 CLJ 471; [2021] 4 MLJ 236.

[43] Pendekatan yang sama telah dibuat oleh Hakim Mohd Nazlan di dalam kes *Mohd Aliff Anas* (*supra*) di perenggan 23 hingga 51 alasan G penghakimannya sebelum beliau merumuskan di perenggan 52 seperti berikut:

> [52] It is as such reasonable to state that the background and history of Article 152(1) to (5) reveals in fairly unmistakable terms that it is a deliberate result of careful negotiations and delicate compromises. It also H represents the apotheosis of a consistently implemented and harmoniously upheld national education policy for an education system tolerable if not acceptable to all, which in the proviso to Article 152(1) balances between the position of Malay as the national language while preserving and sustaining the right to use other languages as the medium of instruction, for non-official purposes. The introduction of Article 152(6) I further ensconces the constitutional balance in the said Article 152 as well as other fundamental features of the Federal Constitution pursuant to the Constitution (Amendment) Act 1971.

[44] Menyelusuri sejarah pendrafan per. 152 yang asal, iaitu sebelum dimasukkan kl. 6, sepertimana yang dinyatakan oleh Hakim Mohd Nazlan, mahkamah merumuskan:

(i) SRJKC dan SRJKT mempunyai sejarah panjang kewujudannya dan telah diiktiraf;

(ii) malahan polisi Pendidikan Kebangsaan pada tahun 1957 terus mengiktiraf SRJKC dan SRJKT sebagai sebahagian dari sistem negara dan diterima serta diiktiraf;

(iii) di dalam proses mendraf Perlembagaan Persekutuan, wakil Kerajaan mengekalkan niat untuk mengekalkan dan meneruskan bahasa-bahasa ibunda lain di dalam Sistem Pendidikan Negara;

(iv) di dalam proses pendrafan tersebut, Bahasa Melayu dan Inggeris dipertimbangkan sebagai bahasa rasmi;

(v) penggunaan Bahasa Melayu ini dipertahankan tanpa ianya menjejaskan penggunaan bahasa ibunda yang lain di dalam sistem pendidikan yang dinyatakan dengan jelas di dalam per. 152(1) PP yang mengakarkan hak mengguna, mengekal dan meneruskan penggunaan bahasa ibunda yang lain;

(vi) penggunaan bahasa rasmi dikhususkan bagi bahasa yang akan digunakan oleh mahkamah dan urusan rasmi Kerajaan; dan

(vii) Bahasa rasmi ini hanyalah bagi tujuan rasmi dan tidak memberi kesan kepada penggunaan bahasa di dalam Sistem Pendidikan Negara.

[45] Kemasukan fasal 6 di dalam per. 152 PP melalui Constitutional (Amendment) Act 1971 (Akta A30) mempunyai sejarahnya tersendiri. Ini turut disentuh oleh Hakim Mohd Nazlan di perenggan 47 hingga 52. Bagi mahkamah, kl. 6 tersebut sama sekali tidak membawa perubahan drastik di dalam menghapuskan SRJKC maupun SRJKT di dalam sistem yang telah tersedia diamalkan pada ketika itu. Ia tidak langsung dinyatakan sedemikian di dalam Akta A30 mahupun di dalam perdebatan yang berlangsung di Parlimen.

[46] Pindaan tersebut sebaliknya bertujuan untuk mengekal dan memertabatkan Bahasa Melayu di dalam urusan rasmi tanpa ia menjejaskan penggunaan bahasa ibunda yang lain di dalam pendidikan negara. Ia tiada kaitan dan langsung tidak berniat untuk menghapuskan pendidikan berteraskan bahasa ibunda yang lain apatah lagi menghapuskan SRJKC dan SRJKT.

[47] Adalah tidak dinafikan bahawa Akta A30 dikemukakan selepas sejarah hitam 13 Mei 1969 di mana ia bertujuan untuk mengekal serta mengukuh perkara-perkara yang menjadi tiang seri pembinaan negara bangsa dan antaranya Bahasa Melayu. Namun ia bukanlah dengan cara untuk melenyapkan bahasa ibunda lain di dalam sistem sedia ada. YAB Perdana

Menteri pada ketika itu iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj semasa membentangkan Akta A30 sepertimana yang dilaporkan di dalam penyata rasmi Dewan Ra'ayat bertarikh 23 Februari 1971 telah menyatakan:

> Mr Speaker, Sir, it is hardly necessary for me in this House to expound upon the careful and balanced character of the Constitution which was so painstakingly negotiated and agreed upon by the major races in Malaysia before we attained independence. Let those who are citizens of Malaysia under its provisions be ensured clearly that their rights shall not be challenged. This is surely important to them so that whatever fears may have been aroused will now be set at rest.
>
> Now, the basic provisions relating to the acquisition of citizenship represented a fair and balanced compromise. The same careful and balanced approach runs through the other provisions of the Constitution protecting the legitimate rights of all races in Malaysia. Thus the provisions relating to the special position of the Malays are balanced y the guaranteed protection of the legitimate interests of the other communities and by the citizenship provisions to which I have referred. The provisions relating to the position of Bahasa Malaysia as the sole official and National Language is balance by the guarantee for the use of the languages of other races other than for official purposes. As regards the provision relating to the sovereignty of the Rulers, surely no one will disagree that their position should never be open to attack or challenge. Any self-respecting people will surely want to ensure that the position of its Rulers should not be subject to debate in the political arena.
>
> These are the main provisions of our Constitution relating to issues which may be regarded as sensitive. These must be removed from the realm of public discussion which could lead to the exploitation of these issues by irresponsible elements to the detriment of all our people. The careful and balanced provisions of our Constitution guaranteeing legitimate interest of all races in Malaysia are the very foundation upon which this nation exists To challenge them is to challenge the very principle upon which the nation rests. Tragically, they have been challenged. The consequences are only to well-known to all of us. It is not only in the interest of all of us that they should be protected. It is also surely right that the very foundation of the nation should not be the subject of divisive and dangerous debate.

[48] Adalah penting teras PP ini dipertahankan oleh bukan sahaja Parlimen malahan mahkamah ini di dalam memberi tafsiran ke atas pindaan ini. Ia selari dengan apa yang dinyatakan oleh Peguam Negara pada ketika itu iaitu Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof semasa membentangkan rang undang-undang tersebut sepertimana yang dilaporkan di dalam penyata Rasmi Dewan Ra'ayat bertarikh 25 Februari 1971 seperti berikut:

> Tuan Yang di-Pertua, dengan keterangan rengkas ini pada pendapat saya ada-lah terang dan nyata betapa mustahak-nya Perlembagaan dipinda supaya di-bekukan, atau di-lindongi empat perkara yang menjadi asas

kemerdekaan dan asas Perlembagaan negara kita yang mana peruntokan2 lain sunggoh pun mustahak juga di-dalam Perlembagaan ada-lah bergantong dan berkisar kapada yang empat perkara itu.

Dari segi perkauman pula yang kita boleh nafikan dan ketepikan empat perkara itu ada-lah sangat sensitive, senang membangkitkan perasaan imosi dan kechurigaan sasaorang, atau satu2 kaum di-negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Undang2 ini ada-lah menguatkan lagi kedudokan empat perkara yang mutlak yang menjadi asas Undang2 tuboh supaya tidak boleh di-sentoh dan di-goyang sa-bagaimana yang lepas. Kalau di-goyang empat perkara yang asas ini bergoyang-lah rumah, bergoyang-lah orang yang di-dalamnya dan bergadoh-lah di-dalamnya.

[49] Di dalam kes *Mark Koding v. PP* [1982] 1 LNS 15; [1982] 2 MLJ 120, Mahkamah Agung telah mengambil notis kehakiman ke atas sensitiviti bahasa dan bagaimana ia boleh menjejaskan perasaan sesuatu bangsa. Ia bukan sahaja akan menghakiskan keharmonian, namun boleh melenyapkannya dan memporak perandakan negara. Melalui penghakiman Hakim Suffian KHN Mahkamah Agung menyatakan:

Before departing from this case, we would make two observations. First, Malaysians take pride in the fact that our country is a parliamentary democracy and we have since independence held free general elections every five years as enjoined in the Constitution. Malaysians with short memories and people living in mature and homogeneous democracies may wonder why in a democracy discussion of any issue and in Parliament of all places, should be suppressed. Surely it might be said that it is better that grievances and problems about language, etc. should be openly debated, rather than that they be swept under the carpet and allowed to fester. But Malaysians who remember what happened during May 13, 1969, and subsequent days are sadly aware that racial feelings are only too easily stirred up by constant harping on sensitive issues like language; and it is to minimise racial explosions that the amendments were made.

Kesimpulan

[50] Di atas penilaian-penilaian ini, mahkamah ini merumuskan seperti berikut:

(i) sejarah kewujudan per. 152 PP menjelaskan bahawa SRJKC dan SRJKT tidak pernah dilarang pengujudannya walaupun Bahasa Melayu diangkat sebagai Bahasa Kebangsaan;

(ii) malahan penggunaan bahasa ibunda lain sebagai medium perantara di dalam Pendidikan Negara adalah sebahagian dari polisi Pendidikan Kebangsaan; dan

(iii) perkara 152 didraf dengan sebegitu rupa setelah para penggubalnya mentelaah dan berbincang di mana antara perkara utama adalah status Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan hak untuk mengekal dan menggunakan bahasa ibunda yang lain di dalam Sistem Pendidikan Negara.

[51] Tuntutan plaintif bagi mahkamah adalah menuntut suatu yang mempunyai kesan besar iaitu sehingga ke tahap yang boleh menghapuskan penggunaan bahasa ibunda lain di dalam Sistem Pendidikan Negara. la sama sekali bertentangan dengan niat dan hasrat nenek moyang kita yang mengimpikan sebuah negara yang harmoni dan bersatu di dalam kepelbagaian. Jika ia dibenarkan, maka ia berupaya meruntuhkan sistem yang telah berakar di dalam perlembagaan negara ini.

[52] Sistem pendidikan walaupun tidak dinafikan merupakan satu medium yang berupaya menjadi medium perpaduan dan keharmonian, namun sebagaimana yang dinyatakan di dalam mukadimah Akta 550, ia satu usaha yang perlu dan berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan generasi yang akan membentuk negara yang berjaya. Namun ia perlu mengambil kira akan prinsip bahawa murid harus dididik mengikut hasrat ibu bapa masing-masing. Ini adalah juga menjadi teras kepada bahasa ibunda selain Bahasa Melayu tidak dikesampingkan.

[53] Sistem ini telah diamal dan dipertahankan dan negara kita telah berkembang maju dengan baik. Walaupun kita dibezakan dari aspek bangsa dan bahasa ibunda, namun penggunaan serta penguasaan Bahasa Melayu masih diamalkan dengan baik oleh generasi kini oleh setiap lapisan bangsa. Hujahan lisan para peguam serta PKP di mahkamah bagi kes ini di dalam Bahasa Melayu adalah manifestasi bahawa sistem yang berkuat kuasa sekarang tiada cacat celanya.

[54] Sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab memastikan ketenteraman awam terus diamal dan dikekalkan, maka mahkamah ini dengan penuh tanggungjawab memutuskan bahawa tiada merit di dalam permohonan plaintif. Oleh itu, SP sepertimana di kandungan 1 adalah ditolak. Menimbangkan isu-isu yang dibangkitkan di dalam kes ini, mahkamah ini tidak memerintahkan sebarang kos.